



كامرکتوا حاکم شرعي محکمہ شرعيہ نگرى ملاک

KAMAR KETUA HAKIM SYARIE  
MAHKAMAH SYARIAH NEGERI MELAKA  
KOMPLEKS MAHKAMAH SYARIAH,  
JALAN AYER KEROH LAMA,  
HANG TUAH JAYA,  
75450 AYER KEROH, MELAKA.

Telefon : 06 - 233 2050

Sambungan : 3501

Faks : 06 - 2311275

Laman Web : <http://www.mahsyariahmelaka.gov.my>

Ruj.Kami : MSNM 100-1/6/3 ( )

Tarikh : 1 Disember 2020

16 Rabiulakhir 1442H

Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah,  
Tuan Ketua Pendaftar,  
Tuan/Puan Hakim Mahkamah Rendah Syariah,  
Tuan/Puan Pegawai Mahkamah Syariah,  
Tuan/Puan Peguam Syarie,  
Pihak-pihak yang berurusan di Mahkamah Syariah,

Yang Arif / Tuan / Puan,

### **ARAHAN KETUA HAKIM SYARIE NEGERI MELAKA BIL.2 TAHUN 2020**

#### **Garis Panduan Pengurusan Pendaftaran Kes Hadhanah / Hak Penjagaan Anak**

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif / Tuan / Puan kepada keputusan Muzakarah Hakim Syarie Mahkamah Syariah Negeri Melaka pada 18 hingga 20 September 2020 di Port Dickson, Negeri Sembilan telah bersetuju memutuskan bahawa;-

1. Suatu garis panduan Pengurusan Pendaftaran Kes Hadhanah / Hak Penjagaan Anak di Mahkamah Tinggi Syariah dikeluarkan sejajar dengan Enakmen Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah Negeri Melaka Tahun 2002.
2. Garis panduan ini terpakai kepada semua peringkat Mahkamah Syariah, pengamal undang-undang dan pihak-pihak yang berurusan di Mahkamah Syariah Negeri Melaka.
3. Penekanan diberikan kepada Pernyataan Tuntutan dengan memasukkan butiran maklumat asas yang jelas dan tepat seperti berikut :
  - i. Tarikh pernikahan dan perceraian pihak-pihak (ibu bapa kepada anak yang dituntut)
  - ii. Tarikh lahir anak beserta umur dan bulan
  - iii. Tempoh antara tarikh pernikahan dengan tarikh kelahiran anak pertama selepas pernikahan.
4. Semua tuntutan hak penjagaan anak hendaklah didaftarkan dibawah kod 028 (Hadhanah) dan hendaklah melalui prosiding Majlis Sulh. Manakala kes hak penjagaan anak tak sah taraf hendaklah didaftarkan dibawah kod 083 (Hak Jagaan Anak Tak Sah Taraf), kes tidak perlu melalui prosiding Majlis Sulh dan terus didengar di hadapan Yang Arif Hakim Syarie.
5. Sekiranya pendaftar / petugas kaunter mendapati timbul keraguan terhadap status kesahtarafan anak yang dituntut (dalam tuntutan kes hadhanah kod kes 028), pendaftar / petugas kaunter hendaklah membuat catatan minit / nota ringkas untuk perhatian Unit Sulh dan Mahkamah Tinggi Syariah.

Ruj.Kami : MSNM 100-1/6/3 ( )

6. Semasa prosiding Majlis Sulh Tuntutan Hak Jagaan anak yang didaftarkan dibawah kod kes 028, didapati terdapat anak tak sah taraf didalam tuntutan tersebut, Pegawai Sulh hendaklah membuat catatan ringkas dan memanjangkan fail kepada Yang Arif Hakim Syarie untuk tindakan selanjutnya.
7. Sekiranya Yang Arif Hakim Syarie mendapati berlaku percampuran prosiding melibatkan anak tak sah taraf, Yang Arif Hakim Syarie hendaklah mengarahkan Plaintiff untuk memfailkan kes Tuntutan Hak Jagaan Anak Tak Sah Taraf secara prosiding berasingan dan pengecualian fi ke atas Plaintiff untuk pendaftaran kes tersebut. Selanjutnya, pendengaran kedua-dua prosiding kes tersebut bolehlah dijalankan secara bersekali dalam satu masa yang sama.

Huraian :


- 7.1 Anak yang tiada maklumat bapa dalam sijil kelahiran ATAU yang diklasifikasikan pendaftaran kelahiran di bawah seksyen 13 dan 13A Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957, tidak boleh dianggap sebagai anak tidak sah taraf (melainkan ada keterangan saksi ATAU pengakuan ibu yang melahirkan / bapa biologi anak tersebut). Sebagai contoh, perkahwinan pihak-pihak yang berlaku secara tidak mengikut peraturan atau mana-mana undang-undang / tidak didaftarkan, tetapi sah mengikut Hukum Syarak, anak yang dilahirkan boleh dinasabkan dan termasuk kategori anak sah taraf. Selain itu, anak kelahiran dari wati' syubhah juga termasuk kategori anak sah taraf.
8. Walau bagaimanapun, Plaintiff / Pemohon boleh mendapatkan perintah penjagaan anak dengan memfailkan kes **secara satu (1) pihak** dibawah kod 031 (Pemohonan Penjaga Diri / Anak Yatim) bagi situasi seperti berikut :
  - i. Plaintiff (ibu kepada anak) yang melahirkan anak tanpa perkahwinan yang sah;
  - ii. Plaintiff ialah mangsa rogol (yang melahirkan anak tak sah taraf);
  - iii. anak kematian bapa (bapa meninggal dan tiada waris ATAU bapa ghaib dan tiada waris);
  - iv. atau apa-apa keadaan yang ditentukan oleh Pendaftar Mahkamah Syariah Negeri Melaka.
9. Garis panduan bolehlah dirujuk berdasarkan carta aliran kerja seperti di lampiran.

Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

**“SYARIAH ASAS KEADILAN”**









Saya yang menjalankan amanah,



**(YAA DATUK MOHD NADZRI BIN ABDUL RAHMAN)**

Ketua Hakim Syarie  
Mahkamah Syariah Negeri Melaka

## GARIS PANDUAN PENGURUSAN PENDAFTARAN KES HADHANAH / HAK PENJAGAAN ANAK

Orang yang bertanggungjawab	Aliran Kerja	Proses Kerja	Catatan
		Mula	
Plaintif / Pemohon		1. Memfailkan dokumen	
Petugas kaunter		2. Menerima dokumen (lengkap) pemfailan kes dari pihak-pihak. 3. Meneliti dokumen untuk penentuan jenis kes. 4. Jika tuntutan anak tak sah taraf, kes didaftarkan atas <b>kod 083</b> . 5. Mendaftarkan kes atas <b>kod 028</b> . 6. Membuat agihan kes dan penetapan tarikh ke Majlis Sulh.	Petugas kaunter hendaklah meneliti dokumen yang difailkan pihak-pihak untuk penentuan kod kes.
Pegawai Sulh		7. Mengendalikan prosiding sulh. 8. Jika mendapati ada pertikaian / keraguan status kesahatarafan anak, membuat catatan minit dan memanjangkan fail kepada Hakim. 9. Membuat laporan Majlis Sulh (Berjaya/Gagal/Tak hadir). 10. Membuat perjanjian penyelesaian untuk endors di hadapan Hakim.	Pegawai sulh memanjangkan kes kepada Hakim jika mendapati percampuran kes anak tak sah taraf.
Petugas kaunter / Pembantu Sulh		11. Menetapkan tarikh sebutan di hadapan Hakim / Pendaftar.	
Hakim		12. Mengarahkan Plaintif memfailkan kes 083 secara berasingan apabila mendapati percampuran. 13. Mengendalikan perbicaraan. 14. Membacakan keputusan / penghakiman.	Penyatuan prosiding kes 028 dan 083, dibicarakan dalam satu prosiding.
Pembantu Hakim		15. Menjana draf dan perintah bersih untuk serahan kepada pihak-pihak.	
		Tamat	

**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH  
DI NEGERI MELAKA, MALAYSIA**

**KES MAL NO :**

**ANTARA**

..... ... **PLAINTIF**

**DENGAN**

..... ... **DEFENDAN**

**PERNYATAAN TUNTUTAN**

1. Plaintiff adalah ..... No K/P .....  
yang beralamat di .....
2. Defendan adalah ..... No K/P .....  
yang beralamat di .....
3. Plaintiff dan Defendan telah bernikah pada ..... dan telah  
bercerai pada ..... di .....
4. Hasil perkongsian hidup dengan Defendan, Plaintiff telah dikurniakan dengan  
..... orang anak.

	Nama Penuh Anak	Tarikh Lahir	Umur
4.1	.....	.....	.....Tahun .....Bulan
	(No. KP: .....)		
4.2	.....	.....	.....Tahun .....Bulan
	(No. KP: .....)		
4.3	.....	.....	.....Tahun .....Bulan
	(No. KP: .....)		
4.4	.....	.....	.....Tahun .....Bulan
	(No. KP: .....)		

5. Selepas pernikahan plaintif dengan defendan pada.....plaintif / defendan telah melahirkan anak pertama pada.....dengan usia kehamilan.....bulan.....hari.

6. Semasa perceraian yang telah disabitkan oleh Mahkamah pada ..... Mahkamah tidak memberikan apa-apa perintah hak penjagaan anak / Perintah hak penjagaan sementara.

7. Plaintif menuntut melalui Mahkamah yang mulia ini tuntutan hak penjagaan anak atas sebab-sebab seperti berikut :-

6.1 .....

6.2 .....

6.3 .....

8. Oleh yang demikian, Plaintif menuntut melalui Mahkamah yang mulia ini perintah-perintah seperti berikut :

7.1 Hak penjagaan anak diberikan kepada Plaintif iaitu :

Nama penuh anak

No. k/p @ Sijil kelahiran

i. ....

ii. ....

iii. ....

iv. ....

Bertarikh : .....

.....

Tandatangan Plaintif